



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 MEI 2021 (ISNIN)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

17 MEI 2021 (ISNIN)

Kekurangan barangan keperluan pulih hari ini

Kuala Lumpur: Kekurangan bekalan ikan dan sayuran mem-babitkan peniaga kecil berikutan penutupan Pasar Borong Kuala Lumpur ekoran penularan CO-VID-19 dijangka pulih bermula hari ini.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam, berkata tinjauan pagi semalam mendapati peniaga kecil yang mendapatkan bekalan ikan dari pasar borong terbahit menga-lami sedikit gangguan beka-lan.

Katanya, ia antara lain disebabkan penutupan pasar borong itu, selain operasi perniagaan di pasar borong lain masih belum dibuka sepenuhnya ekoran cuti raya.

"Kita jangka bekalan akan mula kembali normal esok (hari ini) selepas Pasar Borong Kuala Lumpur dibuka kembali," katanya ketika dihubungi susulan keluhan peniaga kecil yang mendakwa terputus bekalan ikan

dan sayuran.

Mengulas lanjut, Azman ber-kata, tinjauan penguat kuasa KPDNHEP semalam di pasar bo-rong lain dan pasar raya di se-kitar Kuala Lumpur serta Selangor, men-dapati bekalan ikan, ayam, daging dan sa-yuran masih mencu-kupi.

Katanya, harga di-jual juga masih di bawah kawalan biarpun ada bekalan seperti ayam dan daging mendapat permintaan tinggi pada musim perayaan.

"Tinjauan pagi ta-di (semalam) di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan dan Pasar Borong Selayang serta pasar raya besar, bekalan se-cara keseluruhannya masih mencukupi. Ada peniaga masih bercuti dan menutup operasi perniagaan menyebabkan be-kalan kepada peniaga kecil ter-ganggu.

"Bagi peniaga yang mendapat-kan bekalan secara terus dengan pembekalnya, bekalan mereka masih mencukupi dan tiada ma-salah," katanya.

Azman berkata, se-lain memantau beka-lan keperluan harian, pihaknya juga menja-lankan penguatkuasa-an terhadap pemat-han prosedur operasi standard (SOP) di se-mua pasar borong dan pasar raya.

Orang ramai boleh membuat aduan menerusi portal e-adu-an KPDNHEP; Call Centre 1-800-886-800;

e-mel kepada e-aduan@kpd-nhep.gov.my; Ez ADU KPD-NHEP; Pusat Arahan Penguat-kuasaan (ECC) 03-8882 6988/6245 atau WhatsApp kepada 019-279 4317, berkaitan salah laku pe-niaga yang melanggar un-dang-undang di bawah bidang kuasa kementerian itu secara rasmi.



Azman Adam

Sementara itu, Setiausaha Per-tubuhan Komuniti Agro Hulu Se-langor, Ramli Mohd Nasir, ber-kata kerajaan seharusnya mem-punyai pelan B termasuk mem-benarkan pekebun memasarkan produk mereka ke Lembaga Pe-masaran Pertanian Persekutuan (FAMA) jika membuat keputusan menutup mana-mana pasar bo-rong utama di negara ini.

Beliau berkata, penutupan Pa-sar Borong Kuala Lumpur men-jadikan pekebun hilang arah dan mengalami kerugian kerana ti-dak dapat memasarkan produk mereka.

Katanya, pihaknya sendiri ke-hilangan hasil lebih RM10,000 da-lam tempoh seminggu akibat pe-nutupan pasar borong itu kerana tidak dapat memasarkan produk-nya termasuk sawi, cili, bayam dan terung.

"Kerajaan menggalakkan ra-kyat mengusahakan kebun, te-tapi apabila isu seperti ini ber-laku, pekebun terpaksa menang-gung kesannya.

"Saya sendiri dihubungi rakan

pekebun lain yang meminta ban-tuan menumpang bekalan sebab tiada tempat dipasarkan akibat penutupan pasar terbahit," ka-tanya ketika dihubungi BH.

Pengurus Besar SC Agro & Plantation, Nazmi Che Yah-ya@Salleh, 42, yang juga peng-u-saha tanaman cili dan timun, pu-la berkata penutupan pasar bo-rong terbahit, menyebabkan pi-haknya beralih kepada pembo-rong di pasar Kelantan.

Bagaimanapun, katanya, pasa-ran di Kelantan adalah lebih ke-cil, selain terpaksa bersaing de-ngan produk khususnya cili dari Thailand.

"Kita hantar bekalan ke Pasar Borong Kuala Lumpur antara 300 hingga 400 kilogram (kg), namun sepanjang penutupan pasar itu, saya hanya mampu pasarkan 40kg di Kelantan.

"Saya terpaksa mengeluarkan separuh daripada kos operasi yang biasanya mencecah RM40,000 sebulan mengguna-kan duit sendiri kerana kehi-langan hasil," katanya.

Pasar borong dibuka hari ini

Kuala Lumpur: Masalah kekurangan bekalan ikan dan sayuran yang dialami peniaga di beberapa pasar di sekitar Lembah Klang dijangka pulih selepas Pasar Borong Kuala Lumpur mula beroperasi semula hari ini.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Azman Adam berkata, pihaknya yang melakukan tinjauan semalam mengakui peniaga kecil berdepan sedikit masalah mendapatkan bekalan ikan dari pasar borong terbabit.

"Ia disebabkan penutupan pasar borong itu selain operasi perniagaan di pasar borong lain yang masih belum dibuka sepenuhnya ekoran cuti sempena perayaan Aidilfitri.

"Jangkaan saya bekalan akan mula kembali normal esok (hari ini) selepas Pasar Borong Kuala Lumpur dibuka kembali," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keluhan peniaga kecil yang mendakwa bekalan ikan dan sayuran terhad.



KPDNHEP Pahang kesan 12 kes tidak patuh skim harga maksimum

KUANTAN - Sebanyak 12 kes membabitkan pelbagai kesalahan dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang sepanjang pelaksanaan skim harga maksimum musim perayaan bermula 21 April lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasanya, Normaswari Nordin berkata, kes itu membabitkan nilai rampasan berjumlah RM730 selepas 3,100 premis perniagaan diperiksa dengan nilai kompaun sebanyak RM2,100.

"Kita mengesan lapan kes membabitkan kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal.

"Tiga kes membabitkan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dan satu kes membabitkan kegagalan meletakkan tanda harga jualan barangan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, antara lo-

kasi kesalahan menjual barangan terkawal melebihi harga maksimum ialah di pasar raya dan pasar mini.

Jelasnya, ia melibatkan penjualan ayam standard, ikan kembung dan telur ayam gred A.

Katanya, ada segelintir pemborong dan peruncit didapati meletakkan tanda harga berwarna merah jambu melibatkan penjualan bawang merah besar import, bawang putih dan telur ayam gred B.

"Kita berusaha melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan untung berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika semasa musim perayaan ini.

"Jadi, anggota penguat kuasa dan pegawai pemantau harga KPDNHEP Pahang akan terus digerakkan ke lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai mendapatkan barangan keperluan seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya," kata beliau.



FOTO: IHSAN KPDNHEP PAHANG

KPDNHEP melakukan pemeriksaan di sebuah pasar raya di Pahang.

Senarai Harga Barang Keperluan	
* Ayam	RM7.50
* Daging Lembu Tempatan	RM34
* Daging Lembu Import	RM24
* Telur Gred A	RM10.35
* Ikan Kembung	RM9.99
* Minyak Masak	RM5.90
* Gula Pasir	RM1.99
* Bawang Besar Holland	RM3.19
* Bawang Putih	RM5.50
* Cili Merah	RM5.49
* Kubis Tempatan	RM1.95
* Tepung Gandum	RM2.09

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP